

→ WILAYAH

Jawatankuasa khas pantau air Pahang

→ Kerajaan negeri akur pandangan ramai urus sumber

Oleh Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Kerajaan Pahang akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantapkan lagi pengurusan sumber air negeri.

Jawatankuasa itu yang bakal disertai profesional, wakil jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkepentingan, berperanan memberi khid-

mat nasihat, melakukan pantauan dan mengemukakan idea berkaitan pengurusan sumber air.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata persetujuan untuk menubuhkan jawatankuasa berkenaan selepas kerajaan negeri mendengar pandangan ahli panel yang membentangkan kertas kerja pada Bengkel Kelestarian Sumber Air Negeri Pahang yang berakhir semalam.

"Sepanjang dua hari kami menghadiri bengkel ini, banyak pandangan dan idea dikemukakan oleh semua pihak yang boleh dijadikan panduan kepada kerajaan negeri.

"Kami terima baik semua pandangan ini dan kerajaan Pahang secara dasarnya setuju untuk menubuhkan jawatankuasa khas seperti dicadangkan," katanya ketika berucap pada majlis penutup bengkel berkenaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Ja-

watankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak.

Kemuka cadangan

Adnan berkata, beliau akan mengemukakan cadangan itu kepada Pengerusi Majlis Profesor Negara, Profesor Tan Sri Zakri Abdul Hamid serta wakil NGO, Prof Dr Maketab Mohamed dan berharap mereka sedia untuk dilantik menganggotai jawatankuasa berkenaan.

"Saya juga akan mengemukakan cadangan ini kepada kerajaan Persekutuan dan berharap boleh mempertimbangkan permohonan kerajaan negeri untuk mendapatkan peruntukan khas bagi mempertingkatkan infrastruktur, terutama proses menukar paip lama.

"Selepas menukar semua paip lama ini, kami dapat menyalurkan bekalan air bersih dengan lebih baik," katanya.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]



Adnan memberi pandangan ketika pembentangan kertas kerja pada Bengkel Kelestarian Sumber Air Negeri Pahang di Kuantan, semalam.